

Program Solat Sunat Kusuf, Khutbah Khas Gerhana Matahari Dan Aktiviti Mencerap Gerhana Matahari Separa



KUANTAN, 20 APRIL 2023 - Jabatan Mufti Negeri Pahang dengan kerjasama JUPEM Pahang dan Masjid Negeri Sultan Ahmad 1 Kuantan telah melaksanakan aktiviti cerapan Gerhana Matahari Separa bertempat di perkarangan Masjid Negeri Gerhana Matahari Separa ini bermula jam 11.05 pagi iaitu pada Azimut 73 degree dan Altitud 58 degree; serta berakhir pada jam 12.47 tengahari pada Azimut 36 degree dan Altitud 80 degree

Hadir pada aktiviti ini adalah Timbalan Mufti Pahang, Imam Besar Masjid Negeri, pakar-pakar dari Jabatan Ukur dan Pemetaan serta kakitangan jabatan. Pengendali utama aktiviti cerapan ini ialah Juruukur Daerah Pahang Timur, Tuan Haji Ahmad Rostam bin Haji Hamzah yang menggunakan peralatan mencerap Shapstar Askar F400 dan Canon EOS M200

Aktiviti ini telah menarik perhatian para jemaah di Masjid Negeri yang tidak melepaskan peluang untuk melihat sendiri fenomena Gerhana Matahari Separa terutamanya semasa berlaku ijtimak (kelahiran bulan baru iaitu Syawal) di mana bumi, bulan dan matahari berada selari dalam meridian yang sama. Negara Malaysia amat bertuah kerana termasuk dalam kawasan yang dapat melihat gerhana

Mengambil kesempatan semasa berlaku gerhana matahari ini, Masjid Negeri Sultan Ahmad 1 telah melaksanakan Solat Sunat Gerhana @ 'kusuf' sebagai tanda kesyukuran dan kebesaran kekuasaan Allah swt

"Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi"